



MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)  
CAWANGAN PULAU PINANG

MODUL PENILAIAN PMR

02/2

BAHASA MELAYU

Kertas 2

OGOS 2012

2 jam

Dua jam

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat bahagian: **Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.***
2. ***Bahagian A** terdiri daripada dua bahagian: **Bahagian A(i)** dan **Bahagian A(ii)**. Anda dikehendaki supaya menjawab kedua-dua bahagian tersebut. **Bahagian B dan Bahagian D** juga mesti dijawab. Manakala **Bahagian C** mempunyai lima pilihan soalan dan anda diminta supaya menjawab **satu** soalan sahaja.*
3. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 40 minit untuk menjawab **Bahagian A**. 25 minit untuk menjawab **Bahagian B**, 45 minit untuk **Bahagian C** dan 10 minit untuk **Bahagian D**.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang berasingan.*

### Bahagian A(i) Ringkasan

[20 markah]

Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang **faedah-faedah berekreasi**. Panjangnya ringkasan anda hendaklah **tidak melebihi 80 patah perkataan**. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Berekreasi sememangnya digalakkan bagi setiap orang. Kepentingan menjaga kesihatan ialah tanggungjawab yang tidak boleh *dipandang enteng* dan kita perlu melakukannya bagi memastikan kesihatan tubuh dan kecerdasan minda tidak terganggu. Sama ada dilakukan setiap hari, seminggu sekali ataupun sebulan sekali, berekreasi merupakan terapi semula jadi untuk mengekalkan kecergasan fizikal dan kecerdasan minda.

Aktiviti rekreasi yang dijalankan tidak hanya bertumpu di taman permainan sebaliknya boleh dilakukan di pusat kesihatan yang mempunyai pelbagai peralatan moden. Selain itu, aktiviti lasak seperti mendaki gunung, berkayak dan berkhemah turut digemari golongan muda dan tua untuk mengisi masa senggang dan mampu menyuntik elemen positif dalam diri.

Rekreasi yang dijalankan secara berseorangan ataupun berkumpulan mampu mengelakkan remaja terjebak dalam aktiviti yang tidak sihat seperti berpelesenan di kompleks beli-belah dan bermain permainan komputer yang melalaikan. Di samping itu, berekreasi mampu mendidik remaja mempunyai minda dan pergaulan yang lebih terbuka dalam meniti arus kehidupan.

Kesempatan bertemu dengan rakan baharu semasa berekreasi memberikan peluang yang seluas-luasnya kepada remaja untuk membentuk sahsiah diri yang unggul dan mengajar mereka tentang nilai persahabatan. Pergaulan yang sihat ini dapat membantu remaja berkongsi pengalaman dan sebagai persediaan menempuh alam dewasa yang lebih mencabar. Hal ini juga membantu perkembangan psikologi remaja. Program rekreasi yang disertai secara berkumpulan membantu remaja meningkatkan motivasi diri dan menilai diri.

Ayuhlah kita berekreasi! Remaja perlulah mengambil langkah-langkah proaktif untuk menjadikan rekreasi sebagai sebahagian daripada gaya hidup mereka. Antara usaha yang perlu dilakukan adalah untuk membahagikan masa belajar dan masa berekreasi. Selain itu, remaja perlu memilih aktiviti rekreasi yang bersesuaian dengan tahap kecergasan diri. Ibu bapa juga perlu memberikan dorongan agar remaja sedar akan faedah-faedah rekreasi. Malah, pihak sekolah perlulah menyediakan prasarana yang bersesuaian agar remaja dapat berekreasi.


Istilah rekreasi bukan bermaksud aktiviti fizikal semata-mata di taman atau di padang sebaliknya membaca juga adalah sebahagian daripada aktiviti rekreasi. Jika kedua-dua aktiviti ini dicantumkan dan dilakukan seiringan, pastinya hal ini dapat membentuk jati diri remaja.

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada  
*Ayuh Berekreasil!*

**Bahagian B**

[20 markah]

Berdasarkan rajah di bawah, huraikan pendapat anda tentang ciri-ciri sekolah selamat. Panjangnya huraian anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.



**Bahagian C**

[40 markah]

**Pilih satu daripada soalan di bawah. Tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 180 patah perkataan.**

- 1 Terdapat banyak faktor yang mempengaruhi kecemerlangan akademik seseorang pelajar.

Bincangkan faktor-faktor tersebut.

- 2 Ibu bapa memainkan peranan penting untuk mengawal obesiti dalam kalangan anak-anak.

Huraikan pendapat anda tentang pernyataan di atas.

- 3 Anda telah berpindah sekolah kerana mengikuti keluarga yang terpaksa bertukar tempat kerja. Anda ingin menceritakan pengalaman bersekolah di sekolah baharu itu kepada seorang sahabat karib.

Tulis surat itu selengkapnya.

- 4 Semangat kejiwaan semakin longgar dalam masyarakat kita.

Huraikan langkah-langkah untuk meningkatkan semangat ini dalam kalangan masyarakat.

- 5 Peribahasa *genggam bara api biar sampai jadi arang* bermaksud membuat pekerjaan yang sukar atau susah hendaklah bersabar sehingga mencapai kejayaan.

Tulis sebuah cerita berdasarkan maksud peribahasa tersebut.

**Bahagian D**

[10 markah]

Jawaban anda hendaklah berdasarkan **satu** daripada novel yang telah anda kaji sama ada di Tingkatan 1 atau Tingkatan 2.

- (i) **Hikmah** karya Mohamad Faris Ikhmal
- (ii) **Erti Sebuah Pengorbanan** karya Zaihani Binti Zainal Abidin

<b>LATAR MASYARAKAT</b>
-------------------------

Berdasarkan satu daripada novel di atas, huraikan **tiga** latar masyarakat berserta dengan contoh peristiwa dalam novel.

**KERTAS SOALAN TAMAT**